

Kempen Labur Tanda Kasih - Auto Labur Raya ("Kempen")

A. Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Objektif Kempen ini adalah untuk menggalakkan pemegang unit ASNB:
 - 2.1 Melabur secara konsisten dengan menetapkan pelaburan automatik bulanan melalui perkhidmatan Auto Labur di platform myASNB ("Auto Labur").
3. Kempen ini berlangsung dari jam 00:00 (GMT +8) pada 24 Mac 2025 hingga jam 23:59 (GMT +8) pada 31 Mei 2025 ("Tempoh Kempen").
4. ASNB berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen.

5. Kelayakan:

- 5.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit tabung unit amanah ASNB baharu dan sedia ada, termasuk semua kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan dan anak-anak), yang telah melaksanakan mana-mana perkara berikut sepanjang Tempoh Kempen:

(i) Mengaktifkan perkhidmatan Auto Labur bagi akaun sendiri / akaun anak-anak (Akaun Bijak/Remaja)

- 5.2 Kempen ini hanya terbuka kepada Tabung Unit Amanah Harga Tetap **Amanah Saham Bumiputera (ASB)**.

- 5.3 Peserta hanya perlu mengaktifkan Auto Labur dengan pemotongan minimum RM100 dalam satu transaksi, dalam Tempoh Kempen.

- 5.4 Peruntukan pemenang adalah seperti berikut:

Platform	Tempoh Transaksi Auto Labur Berjaya	Jumlah Pemenang	PIN TNGD
myASNB	1 April 2025 – 31 Mei 2025	1,000 peserta pertama	RM10

- 5.5 Hadiah akan akan dihantar kepada pemenang yang layak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas tarikh akhir kempen. Hadiah tidak boleh dipindahkan atau ditukar dengan wang tunai.

B. Terma dan Syarat Lain

1. Dengan menyertai Kempen ini, setiap peserta bersetuju untuk membenarkan ASNB:
 - 1.1 Mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan segala maklumat peribadi yang diberikan kepada ASNB sepanjang penyertaan dalam Kempen ini, termasuk gambar peserta dan/atau pemenang, jika ada ("Data Peribadi"), selaras dengan polisi privasi ASNB yang boleh didapati di laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - 1.2 Menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan syarikat kumpulan ASNB, ejen yang diberi kuasa dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi secara sulit) bagi tujuan penyediaan produk dan perkhidmatan serta tujuan lain seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau bayaran lain yang dikenakan oleh undang-undang berhubung dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian luar jangka seperti bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian lain di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu proses atau perjalanan Kempen ini. Gangguan termasuk penipuan seperti tipu daya, penyelewengan dan/atau pemalsuan yang berkaitan dengan Kempen ini.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan mereka dalam Kempen ini.
7. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana kenyataan atau peruntukan yang berkaitan dengan Kempen ini dalam bahan promosi bercetak atau elektronik.
8. Sebarang keputusan oleh ASNB mengenai senarai pemenang yang layak menerima hadiah dan/atau hadiah bonus adalah muktamad, dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Jika pemenang gagal memberi maklum balas atau tidak dapat dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan kelayakan kemenangan tersebut.
10. ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak.

11. Penyertaan dalam Kempen ini tidak tertakluk kepada hadiah lain yang mungkin tersedia untuk peserta melalui aktiviti di lapangan, jika ada.
12. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
13. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.